

Brunei tidak mengizinkan bagi Limbang menjadi sa-bahagian dari M'sia

LIMBANG ADA-LAH HAK BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Limbang ada-lah kepunyaan Brunei di-ramas oleh Raja Brooke dengan kekerasan dan dengan demikian Brunei tidak izin dan tidak akan memberikan keizinan bagi Limbang yang mana hak kepunyaan Brunei menjadi sa-bahagian dari Malaysia.

Sa-bagaimana yang telah di-jelaskan, Brunei menuntut Limbang berasaskan ugama Islam menurut hukum Shara' dan Ijma' Ulama2 Islam.

Tuntutan Brunei ka-atas Limbang bukan-lah satu perkara baharu saja di-bangkitkan bahkan Brunei telah sentiasa menyusol tuntutan itu dan akan terus menuntut pada bila2 masa jua pun.

Demikian ulasan dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin terhadap sa-puchok surat yang baharu2 ini di-kirim oleh Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kepada Setia Usaha Rendah Parlimen di-Pejabat Hal Ehwal Luar dan Commonwealth di-London mengenai tuntutan Brunei ka-atas Limbang.

Sabda ulasan itu telah disampaikan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz melalui Radio Brunei pada malam Khamis lalu.

Dalam ulasan itu Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa jawapan yang telah diberikan dalam tahun 1965 oleh Perdana Menteri Malaysia yang dahulu, Tengku Abdul Rahman dalam mana Tengku Abdul Rahman telah menyatakan yang ia akan menjawab kepada Setia Usaha Negara mengenai dengan perkara ini ada-lah saperti yang di-hajati oleh Brunei.

Tun Haji Abdul Razak dengan senghaja mengelakkan tuntutan Brunei ka-atas Limbang kepunyaan dan hak Brunei dengan dalih bahawa tuntutan Brunei ka-atas Limbang bukan soal baharu dan bahawa ia-nya, "tidak bersedia untuk melayani sa-barang perundingan mengenai apa yang disebutkan sa-bagai tuntutan ka-atas Limbang oleh Brunei."

Tun Haji Abdul Razak telah juga menyatakan ia-nya, "tidak memikirkan bahawa perundingan2 sa-demikian akan mendatangkan sa-barang fae-

dah yang berguna dan bahawa sebak-nya boleh menimbulkan harapan palsu yang hanya akan menambahkan keburokan keadaan."

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa sa-barang apa jua sebab2 kenyataan Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia, dalam surat-nya bertarikh 14hb. Disember itu ada-lah palsu dan dusta dari segi ugama Islam menurut hukum Shara' dan dari segi sejarah.

(Lihat muka 8)

Penulis2 di-seru menghasilkan karya bagi menghidupkan semangat keBruneian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah menyeru penulis2 di-Brunei supaya lebih banyak menghasilkan karya mereka bagi menghidupkan semula semangat keBruneian yang di-pusakai dari datok ni-

nek mereka dengan harapan semangat itu akan tambah subur di-zaman kemajuan dan pembangunan Brunei hari ini.

Yang Berhormat itu berkata demikian sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan menulis buku Ilmu Kesihatan anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bilek Kuliah DBP pada hari Jumaat lalu.

(Lihat muka 4)



Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M. menyampaikan perisai kejohanan kepada penembak terbaik, Koprul Shahalan.

D. Y. M. M. berangkat menyaksikan pertandingan menembak antara unit AMDB

TUTONG. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-padang tembak Bintauran di-Daerah Tutong pada hari Khamis lepas untuk menyaksikan pertandingan menembak antara kompeni Askar Melayu Diraja Brunei dan seterusnya berkenan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam per-

tandingan itu.

Pertandingan yang terbuka kepada semua unit2 AMDB itu di-adakan sa-lama empat hari.

Duli Yang Maha Mulia yang di-iringi oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkihah telah di-alu2kan keberangkatan baginda ka-padang tembak itu oleh Pemerintah AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan Pegawai Pemerintah Battalion Pertama, Lt. Col. J.D. De Cordova.

Koprul Shahalan dari Markas Kompeni Dua telah memenangi sa-bagai penembak terbaik sementara Kompeni 'C' di-pileh sa-bagai johan antara kompeni.

Keputusan sa-penoh pertandingan itu ada-lah saperti berikut:

Rifle Berpasokan: Pertama — 'A' Kompeni dengan mendapat 783 mata; kedua — Markas Kompeni Dua dengan 647 mata dan tempat ketiga di-menangi oleh 'C' Kompeni dengan 644 mata.

(Lihat muka 8)

ULASAN DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN SIR MUDA OMAR ALI SAIFUDDIN TERHADAP SA-PUCHOK SURAT YANG BAHARU2 INI TELAH DI-KIRIM OLEH TUN HAJI ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA KAPADA SETIA USAHA RENDAH PARLIMEN DI-PEJABAT HAL EHWAL LUAR DAN COMMONWEALTH DI-LONDON MENGENAI DENGAN TUNTUTAN BRUNEI KA-ATAS LIMBANG.

SABDA kenyataan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin ada-lah seperti berikut:-

Limbang ada-lah kepunyaan Brunei di-rampas oleh Raja Brooke dengan kekerasan. Bukan sahaja hak Brunei pada menuntut Limbang akan tetapi ada-lah wajib bagi Brunei menuntut Limbang. Tuntutan Brunei ka-atas Limbang telah di-sampaikan kepada Kerajaan Malaysia dalam tahun 1963 manakala Brunei memutuskan tidak masuk Malaysia. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, keputusan Brunei tidak masuk Malaysia ada-lah muktamat. Tuntutan Brunei terhadap Limbang ada-lah berasaskan hukum2 agama Islam. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah bersabda bahawa tuntutan Brunei ka-atas Limbang bukan-lah satu perkara yang baharu sahaja di-bangkitkan bahkan Brunei telah sentiasa menyusol tuntutan itu.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa jawapan yang telah di-berikan dalam tahun 1965 oleh Perdana Menteri Malaysia yang dahulu, Tengku Abdul Rahman, dalam mana Tengku Abdul Rahman telah menyatakan yang ia akan menjawab kepada Setia Usaha Negara mengenai dengan perkara ini adalah seperti yang di-hajati oleh Brunei ya'ani supaya Tengku Abdul Rahman memberikan jawapan kepada Setia Usaha Negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin berpendapat bahawa dalam surat baharu2 ini bertarikh 14hb. Disember, 1973 dari Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia, yang di-alamatkan kepada Setia Usaha Rendah Parlimen di-Pejabat Hal Ehwat Luar dan Commonwealth di-London.

Tun Haji Abdul Razak dengan senghaja mengelakkan tuntutan Brunei ka-atas Limbang kepunyaan dan hak Brunei dengan dalih bahawa tuntutan Brunei ka-atas Limbang bukan soal baharu dan bahawa ia-nya, "tidak bersedia untuk melayani sa-barang per-

BRUNEI AKAN TERUS MENUNTUT LIMBANG

undangan mengenai apa yang di-sebutkan sa-bagai tuntutan ka-atas Limbang oleh Brunei."

Tun Haji Abdul Razak telah juga menyatakan ia-nya, "tidak memikirkan bahawa perundingan2 sa-demikian akan mendatangkan sa-barang faedah yang berguna dan bahawa sebalik-nya menimbulkan harapan palsu yang hanya akan menambahkan keburukan keadaan."

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa sa-barang apa jua sebab2 kenyataan Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dalam surat-nya bertarikh 14hb Disember itu ada-lah palsu dan dusta dari segi agama Islam menurut hukum Shara' dan dari segi sejarah.

Tun Haji Abdul Razak telah mengakui bahawa Islam ada-lah agama rasmi Malaysia dan bahawa orang2 Islam di-Malaysia mengikuti Mazhab Shafi'e.

Oleh kerana Tun Haji Abdul Razak sendiri sa-orang yang beragama Islam, maka ada-lah salah bagi Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, tidak menyerahkan balek Limbang kepada Brunei sa-telah ia mengetahui bahawa Limbang ada-lah hak kepunyaan Negeri Brunei dan lebeh2 lagi tuntutan ka-atas Limbang telah di-sampaikan kepada Malaysia dalam tahun 1963 dan sejak itu tuntutan itu telah di-susul dengan berasaskan hukum agama Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa Brunei tidak berkehendakkan apa2 jua pertolongan dari Malaysia. Apa yang Brunei kehendaki ia-lah

supaya Limbang di-kembalikan kepada Brunei dan bahawa Tun Haji Abdul Razak sa-bagai sa-orang Islam hendaklah membalekkan Limbang kepada Brunei. Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa ada-lah menyukarkan bagi Negeri Brunei untuk berbaik2 dengan Negeri Malaysia oleh kerana sungguh pun:-

- 1) Islam ada-lah agama rasmi Malaysia;
- 2) Tun Haji Abdul Razak sendiri ada-lah beragama Islam dan Malaysia banyak alim agama seperti Mufti2 dan lain2;
- 3) Orang2 Islam di-Malaysia mengikuti Mazhab Shafi'e; akan tetapi Tun Haji Abdul Razak dalam jawapan-nya yang berkenaan mengenai dengan tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang berasaskan agama Islam telah tidak menitek-beatkan dan sa-olah2 mengejek-ejekkan agama-nya sendiri ya'ani agama Islam yang di-akui-nya suchi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda kita harus bertanya sama ada Tun Haji Abdul Razak pada mengakui yang agama Islam ada-lah agama rasmi Malaysia dan ia sendiri beragama Islam tidak menyatakan demikian hanya pada dzahir-nya sahaja.

Brunei tidak izin dan tidak akan memberikan keizinan bagi Limbang yang mana hak kepunyaan Brunei menjadi sa-bahagian dari Malaysia. Sa-bagaimana yang telah dijelaskan, Brunei menuntut Limbang berasaskan agama Islam menurut hukum Shara' dan Ijma' Ulama2 Islam.

Dari sejak Brunei mengambil keputusan tidak masuk Malaysia yang mana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, keputusan itu ada-lah muktamat, beberapa kejadian telah berlaku yang melibatkan, antara lain-nya, pembunuhan sa-orang raayat Brunei oleh raayat Malaysia. Malangnya Kerajaan Malaysia tidak ambil tahu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa oleh kerana Islam ada-lah agama rasmi Malaysia, maka Tun Haji Abdul Razak dan Kerajaan Malaysia seharusnya tidak mendapati sukar untuk merundingkan tuntutan Brunei ka-atas Limbang dengan sachara berterus-terang berhadapan dan akhir-nya bersumpah dengan nama Allah dan di-hadapan Kitab Suchi Al-Quran.

Sa-lagi Kerajaan Malaysia tidak menyerahkan Limbang balek kepada Brunei maka Brunei, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, tidak akan kendur2 pada meneruskan tuntutan-nya ka-atas Limbang yang Limbang hak kepunyaan Brunei. Pada menuntut Limbang hak kepunyaan Brunei, tidak ada terhad tempoh-nya bahkan Brunei akan sentiasa menyusol tuntutan kepada Malaysia sehingga Malaysia mengembalikan Limbang kepada ibundanya, Brunei, yang empunya Limbang di-sisi agama Islam.

Jika sekira-nya Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdul Razak dan Kerajaan Malaysia tidak melayani tuntutan Brunei ka-atas Limbang hak kepunyaan Brunei atau jika mereka dengan senghaja mengelakkan dengan menyatakan tuntutan Brunei itu ti-

(Lihat muka 5)



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

SALAH satu hak asasi manusia yang wajib di-lindungi, di-jaga dan di-hormati menurut shari'at Islam ia-lah hak atau kepunyaan sa-seorang. Hak atau kepunyaan sa-seorang itu tidak-lah boleh di-ganggu atau di-ambil atau di-churi atau di-rompak alan di-rampas dengan tidak ada keredhaan dan kebenaran daripada orang yang empunya atau tidak dengan chara yang hak menurut hukum shara' atau Ugama Islam.

Penchabulan ka-atas hak atau kepunyaan orang lain itu antara-nya dapat-lah digolongkan kepada tiga bahagian. Jika yang mengambil itu dengan chara yang tidak di-ketahui oleh orang yang empunya, tindakan itu di-namakan menchuri. Jika yang mengambil itu dengan chara terus lari, tindakan itu di-namakan merampas. Ketiga2 chara penchabulan itu hukum-nya haram dan dosa besar dan ketiga2-nya ada-lah perbuatan aniaya dan dzalim.

Al-Imam An-Nawawi r.a. dalam kitab Raduz-assalihin telah menyebut ayat2 dan hadith2 yang menegah berbuat dzalim dan menyuruh mengembalikan hak atau kepunyaan orang lain yang di-dzalimkan itu kepada orang yang empunya. Sa-tengah daripada ayat yang memberi amaran kepada orang yang membuat dzalim itu ia-lah firman Allah yang bermaksud:

"Tiada-lah bagi orang yang membuat dzalim itu mendapat sa-satu pertolongan yang akan menolong mereka".

Dalam sa-buah hadith Qudis Rasulullah s.a.w. telah meriwayatkan firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Wahai hamba2ku, bahawa aku telah mengharamkan perbuatan dzalim di-atas diri ku, dan aku jadikan dzalim itu haram di-lakukan antara kamu, maka dari itu jangan-lah kamu berbuat dzalim di-antara kamu".

Allah Subhanahu-Wataala telah memberikan amaran akan menimpakan azab dan

Hak atau kepunyaan orang yang di-churi tidak halal di-jadikan milek

seksa kepada orang yang berbuat dzalim sa-umpama mengambil atau merampas hak dan kepunyaan orang lain, sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Barang siapa yang aniaya dan dzalimkan (mengambil tanah dengan tiada jalan hak dan kebenaran dari shara' dan Ugama Islam) kadar sa-jengkal tanah orang, maka Allah Ta'ala memaksa dia memikul di-tengkok-nya akan tanah itu bagi ia pindahkan tanah itu sa-jauh tujuh petala bumi".

Hak atau kepunyaan orang yang di-ambil, atau di-churi atau di-rompak atau di-rampas dengan tiada hak dan tiada kebenaran shara' itu, tidak-lah halal di-jadikan hak milek kita sendiri apa lagi untuk menggunakan-nya, atau memakan-nya atau menikmati segala faedah dan munafaat daripada-nya. Yang demikian kerana Allah Ta'ala telah memberi amaran keras supaya jangan memakan harta benda kepunyaan orang lain dengan chara yang salah, sa-bagaimana firman-nya yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, jangan-lah kamu memakan harta sa-sama kamu dengan jalan salah, melainkan yang halal buat kamu ia-lah dengan jalan perniagaan di-atas suka dan rela antara kamu".

Mengembalikan hak atau kepunyaan orang lain yang kita ambil atau churi atau rompak atau rampas dengan jalan yang tidak sah di-segi shara' kepada orang yang empunya itu ada-lah wajib hukum-nya sekalipun orang yang empunya hak itu tiada menuntut-nya kepada kita. Dan shari'at Islam ada-lah membenarkan orang yang empunya hak itu mengambil hak atau kepunyaan-nya bila2 masa, bila2 ia berdaya dan bila2 ia jumpa dengan tidak di-hadkan sekian2 lama-nya.

Oleh yang demikian ada-

lah di ingatkan supaya siapa2 di-antara kita umat Islam yang ada di-tangan-nya hak atau kepunyaan orang yang di-ambil atau di-churi atau di-rompak atau di-rampas daripada-nya, wajib-lah kita kembalikan dengan segera kepada orang yang empunya supaya terhindar-lah kita dari terus menerus di-atas berbuat dzalim dan mudah2an dengan demikian akan terlepas-lah kita daripada azab seksa yang disediakan oleh Allah bagi orang yang berlaku dzalim.

Hadhiri kursus

SERIA. — Sa-ramai lapan orang guru dari Maktab Anthony Abell, Seria telah mengikuti kursus pelajaran bahasa Inggeris sa-lama 10 hari mulai hari Isnin minggu lalu.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu diadakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Kursus tersebut di-kelola oleh empat orang pegawai bimbingan. Mereka ia-lah Awang Jacob Chin, Awang Abdullah bin Osman, Awang Yeo Tiong Seng dan Awang Zainal bin Ladi.

33 orang penuntut Ugama terima sijil

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 33 orang penuntut perempuan dari Kelas Pelajaran Dewasa Ugama dan Memoachna Quran di-Daerah Belait telah menerima sijil2 di-satu majlis penyampaian yang diadakan di-Mesjid Munammad Jamalul Alam, di-sini pada hari Jumaat lepas.

Enam orang dari mereka menerima sijil rendah Ugama; 12 orang menerima sijil menengah Ugama dan 12 orang yang lain-nya menerima sijil membaca Quran.

Sijil2 Kelas Dewasa Ugama telah di-sampaikan oleh Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Belait. Awang Ahmad bin Abdul Rahman sementara sijil2 bagi kelas Bachaan Quran di-sampaikan oleh Awang Haji Khaiidi bin Haji Abdul Karim, Nadzir Kelas Bachaan Quran Dewasa.

Penerima sijil2 bahagian rendah Ugama tahun 1970 ia-lah Dy. Habibah binte Haji Abdul Hamid, Dy. Saibah binte Habil, Dy. Aishah binte Wahab, Dy. Halpi bte Bedul, Dy. Masni binte Abdul Rahman dan Dy. Aishah binte Badaruddin.

Penerima2 sijil bahagian menengah Ugama tahun 1972 ia-lah Dy. Salam binte Omar Ali, Dy. Dianah binte Haji Abdul Hamid, Dy. Aishah binte Hassan, Dy. Ramlah binte Matussin, Dy. Sa'adiah binte Mansor, Dy. Aishah binte Awg. Damit, Dy. Zainab binte Abd. Rahman, Dy. Halimah binte Sulaiman, Dy. Mardiah binte Haji Abang Suhaili, Dy. Halimah binte Abd. Hamid, Dy. Puteh bte Sulong, Dy. Sharifah Mardiah binte Wan Ali, Dy. Halimah binte Abang Bujang, Dy. Halimah binte Idres dan Dy. Hajjah Salmah bte Haji Abu Bakar.

Penerima2 sijil2 bahagian rendah membacah Al-Quran 1971 ia-lah Dy. Halimah binte Rais, Dy. Sharifah Mardiah binte Wan Ali, Dy. Puteh binte Sulong, Dy. Aishah binte Hassan, Dy. Dianah binte Haji Abdul Hamid, Dy. Aishah binte Awg. Damit, Dy. Mardiah binte Haji Abang Suhaili, Dy. Halimah binte Abd. Hamid, Dy. Sa'adiah binte Mansor, Dy. Askiah binte Abd. Rahman, Dy. Salam binte Omar Ali dan Dy. Hajjah Zahrah binte Sheikh Rais.

Kutipan derma Tahun Baru

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah menerima kutipan derma Tahun Baru China yang berjumlah \$30,243.00.

Kutipan itu ada-lah melebihi jumlah kutipan derma pada tahun lalu.

Sa-orang juruchakap majlis itu berkata, derma2 maseh lagi di-terima dan wang kutipan itu ia-lah untuk membiayai perbelanjaan menguruskan Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Kutipan itu di-adakan pada tiap2 tahun dan derma itu di-terima dari pekedai2, shariakat2 perniagaan dan orang2 perseorangan di-seluruh negeri.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6hb. Februari, 1974 hingga ka-hari Selasa 12hb. Februari, 1974 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
6hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
7hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
8hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
9hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
10hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
11hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35	
12hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(6hb. Februari, 1974)

KEMBALIKAN LIMBANG KPD IBUNDA-NYA BRUNEI

TUNTUTAN Brunei ka-atas Limbang telah di-sampaikan kepada Kerajaan Malaysia dalam tahun 1963 manakala Brunei memutuskan tidak masuk Malaysia.

Perdana Menteri Malaysia yang dulu, Tengku Abd. Rahman Al-Haj dalam jawapannya kepada Brunei yang di-sampaikan dalam tahun 1965 menyatakan yang ia akan menjawab kepada Setia Usaha Negara mengenai perkara itu seperti yang di-hajati oleh Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin berpendapat bahawa dalam surat dari Tun Haji Abd. Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia bertarikh 14hb. Disember, 1973 yang di-alamatkan kepada Setia Usaha Rendah di-Parlimen di-Pejabat Hal Ehwal Luar dan Commonwealth di-London, telah sengkaja mengelakkan tuntutan Brunei ka-atas Limbang kepunyaan dan hak Brunei dengan dalih bahawa tuntutan Brunei ka-atas Limbang bukan soal baharu dan bahawa ia-nya, "tidak bersedia untuk melayani sa-barang perundingan mengenai apa yang di-sebutkan sabagai tuntutan ka-atas Limbang oleh Brunei."

Tun Haji Abd. Razak juga menyatakan ia-nya, "tidak memikirkan bahawa perundingan2 sedemikian akan mendatangkan sa-barang faedah yang berguna dan bahawa sebalik-nya boleh menimbulkan harapan palsu yang hanya akan menambahkan keburukan keadaan."

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa sa-barang apa jua kenyataan Tun Haji Abd. Razak dalam suratnya bertarikh 14hb. Disember itu ada-lah palsu dan dusta dari segi ugama Islam menurut hukum Shara' dan dari segi sejarah.

Tun Haji Abd. Razak telah mengakui bahawa Islam adalah ugama rasmi Malaysia dan bahawa orang2 Islam di-Malaysia mengikuti Muzhab Shafi'e.

Oleh kerana Tun Haji Abd. Razak sendiri sa-orang yang beragama Islam, maka ada-lah salah bagi Tun Haji Abd. Razak, Perdana Menteri Malaysia, tidak menyerahkan bales Limbang kepada Brunei sa-telah ia mengetahui bahawa Limbang ada-lah hak kepunyaan Negeri Brunei.

Brunei menuntut Limbang berasaskan ugama Islam menurut hukum Shara' dan Ijma' Ulama2 Islam dan dengan demikian Brunei tidak izin dan tidak akan memberikan keizinan bagi Limbang yang mana hak kepunyaan Brunei menjadi sa-bahagian dari Malaysia.

Sa-lagi Kerajaan Malaysia tidak menyerahkan Limbang bales kepada Brunei, maka sa-lagi itu Brunei tidak akan kenkendor2 pada meneruskan tuntutan-nya ka-atas Limbang hak kepunyaan Brunei, malah tuntutan ini tidak ada terhad tem-

(sila lihat muka 8)



Pengarah DPB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri (no. 4 dari kanan) bergambar ramai dengan pegawai2 DBP dan peserta2 peraduan menulis buku Ilmu Kesihatan sa-telah selesai majlis penyampaian hadiah pada hari Jumaat lepas. Di-kanan Y.B. ia-lah Pengerusi Peraduan, Pg. Badaruddin.

7 orang Penghulu, Ketua Kg. di-lantek sa-mula

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berseutu melantek sa-mula sa-chara sa-bulan ka-sebulan dua orang Penghulu dan lima orang Ketua Kampong di-Daerah Brunei/Muara yang telah bersara dalam jawatan masing2.

Lantekan itu telah di-sampaikan ka-pengetahuan mereka oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif dalam satu perjumpaan khas di-bilik persidangan Pejabat Daerah pada hari Khamis lalu.

Penghulu2 yang di-lantek sa-mula itu ia-lah Yang Di-Hormati Orang Kaya Maharaja Dinda Awang Haji Saman bin Haji Tamit, Penghulu Mukim Sengkabung dan Yang Mulia Datu Harimau Alam Awang Besar bin Munap, Penghulu Mukim Kota Batu.

Ketua2 Kampong yang di-lantek sa-mula ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Awg. Haji Abdul Hamid bin Pehin Orang Kaya Digadong Ahmad, Ketua Kampong Ujong Tanjong; Awang Mohd. Nor bin Khatib Abdul Razak, Ketua Kampong Limbongan; Yang Mulia Pengarah Haji Abdul Jalil bin Abdullah, Ketua Kampong Kota Batu; Yang Mulia Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar, Ketua Kampong Kilanas; dan Yang Mulia Awang Haji Abas bin Lamit, Ketua Kampong Lumapas.

Mereka itu ada-lah kesemua-nya maseh berumur dibawah 65 tahun yang maseh terlingkang dalam salah satu dari sharat2 baru terhadap lantekan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong ia-itu sa-orang yang akan di-lantek itu mesti-

lah tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 65 tahun.

Dalam perjumpaan khas itu, Awang Jaya telah menegaskan bahawa lantekan sa-mula penghulu2 dan ketua2 kampong yang telah bersara itu ada-lah membuktikan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia maseh mempunyai keperchayaan penoh terhadap mereka.

Beliau mengharapakan supaya keperchayaan kerajaan terhadap mereka itu jangan-lah di-abai2kan bukan saja oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang berkenaan, tetapi juga oleh semua Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang lain di-Daerah Brunei/Muara yang sedang berkhidmat.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang di-lantek sa-mula itu kemudian-nya telah mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Temasha lumba perahu bagi memperingati lawatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 10hb. Februari, 1974 mulai jam 8.30 pagi.

Empat hadiah bagi peserta2 yang bernasib baik dalam temasha itu ada di-adakan. Ini merupakan dua buah tiket penerbangan dari Brunei ka-Singapura hadiah dari Sharikat Penerbangan Singapura dan dua lagi tiket pergi bales dari Brunei ka-Hong Kong hadiah dari System Penerbangan Malaysia.

Sa-lain dari itu beberapa hadiah rebutan berupa piala juga telah di-hadiahkan oleh pembesar2 negara.

Sa-orang juruchakap perlumbaan itu menerangkan, borang2 masuk untuk menyertai perlumbaan itu akan terus di-terima sehingga bermula-nya temasha tersebut.

Penulis2 di-seru timbulkan identiti Brunei

(Dari muka 1)

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu menerangkan, semangat yang kita warisi dari datok ninek kita turun temurun ia-lah mempunyai perasaan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda.

Ada-lah perlu semangat itu di-suburkan melalui hujong pena penulis2 tanah ayer untok melukiskan ma'ana yang mengandungi semangat bagi menyuburkan perasaan dan kemahuan bangsa dan negara.

Yang Berhormat itu berharap, penulis2 di-Brunei ada-lah perlu supaya semangat yang sentiasa ada yang menjadi warisan sejak dari turun temurun itu akan terus subur di-kalangan raayat Brunei Darussalam yang tidak akan kenkendor2 untok meneruskan chita2 tersebut.

Perkara ini, kata Yang Berhormat itu, telah terbokti dalam chatetan sejarah Brunei yang mana datok ninek mereka berasal dari keturunan orang2 Brunei yang sentiasa mempunyai semangat keperwiraan-nya yang memang terkemuka dari sejak zaman berzaman.

Dalam hal ini kata-nya, penulis2 jangan lupa bahawa semangat yang penting yang selalu di-anuti oleh datok ninek kita ada dua perkara, pertama fahaman Ugama Islam dan kedua di-sertai dengan tata-tertib yang beradat istiadat.

Kedua perkara penting itu telah menjadi identiti orang2 Brunei di-mana saja mereka berada.

Kalau di-lihat dengan keadaan-nya ini tentu-lah orang2 Brunei itu kelihatan berbeza macham orang memilih beras, kelihatan atah2 itu dari beras yang banyak sa-bagai pati-nya dan itu-lah orang2 Brunei.

Yang Berhormat itu seterusnya mengharapakan, di-zaman pembangunan negara yang ada pada hari ini, penulis2 ada-lah bertanggungjawab untok menghidupkan samula semangat datok ninek mereka supaya hasil tulisan itu dapat di-ikuti oleh jenerasi yang akan datang.

Menyentuh mengenai ejaan dalam Bahasa Melayu, beliau suka menarek perhatian terhadap sa-tengah surat khabar luar negeri yang telah menganjorkan supaya Brunei menggunakan ejaan bahasa negeri orang lain.

Yang Berhormat itu seterusnya menekankan oleh kerana kita ada mempunyai ejaan sendiri, negeri sendiri, bangsa sendiri dan kita mengamalkan bahasa Melayu, maka kita tetap menggunakan ejaan yang kita gunakan pada waktu ini.

Kata-nya, kalau ada pun perubahan untok ejaan baharu kita

(Lihat muka 8)

Tuntutan ka-atas Limbang tidak akan lenyap

(Dari muka 2)

dak kena-mengena dengan agama Islam, maka Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin akan menguatkan lagi pada meneruskan tuntutan itu kepada Kerajaan Malaysia dan boleh jadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Saifuddin akan memohon kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei supaya berunding dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dengan jalan Setia Usaha Negara di-London mengenai tuntutan itu dan mengenai dengan tindakan2 yang harus di-ambil oleh Brunei terhadap Malaysia.

Mengenai dengan keputusan Brunei menarek balek penuntut2-nya dari Malaysia yang mana keputusan itu nampaknya telah mendukung tindakan Tun Haji Abdul Razak dan boleh jadi Menteri2-nya yang berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa Tun Haji Abdul Razak dengan sengkaja tidak menyebabkan sa-barang apa jua mengenai peristiwa2 yang telah menyebabkan keputusan itu.

Sa-bagai mithalan, Tun Haji Abdul Razak telah berdiam diri mengenai dengan perbuatan2 Warder Mat Desa sa-orang raayat Malaysia yang telah berkhidmat di-Brunei sejak tahun 1962 di-Khemah Tahanan di-mana pemberontak2 dan penderhaka2 telah di-tahan.

Sa-bagaimana yang di-ketahui Warder Mat Desa dan yang bersubahat dengan-nya telah bertanggung-jawab pada merancang dan melaksanakan pelarian itu serta membawa ka-Malaysia, Samat bin Jamaluddin; Yusoff bin Ibrahim; Ghani bin Metussin; Zaini bin Haji Ahmad; Salleh bin Mahmud; Mohd. Yassin bin Abdul Rahman; Othman bin Latif dan Omar bin Tamin.

Warder2 yang menjaga orang2 tahanan itu ada-lah raayat Malaysia. Perbuatan mereka itu ada-lah merupakan pencerobohan hal ehwal dalam Negeri Brunei dan merupakan penchubaaan untuk mengangarohi taat setia raayat Brunei kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Beberapa hari sa-belum pelarian itu, Ketua Warder di-Khemah Tahanan ya'ni sa-orang yang bernama Raja

Azlan dari Malaysia, tergupoh-gapah meninggalkan Negeri Brunei tanpa mendapat kebenaran dari Kerajaan.

Perbuatan-nya dan juga perbuatan Warder Mat Desa pada membawa orang2 yang lari itu ka-Malaysia ada-lah memboktikan ranchangan oleh sa-bilangan dari raayat Kerajaan Malaysia untuk memperak-perandakan atau mengachau bilaukan Negeri Brunei.

Brunei sa-bagai sa-buah negeri yang bekerajaan sendiri sa-chara penoh meni'mati kemerdekaan dalam negeri dan D.Y.M.M. P a d u k a Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei memandang betapa kechil-nya Negeri Brunei dan lebeh2 lagi raayat dan penduduk Negeri Brunei sangat sedikit, maka Baginda telah mengeratkan lagi persahabatan Brunei dengan United Kingdom dengan menanda-tangani Pindaan Perjanjian dalam tahun 1971 dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen yang mana di-bawah sharat2 Perjanjian itu Brunei meni'mati perlindungan di-segi pertahanan dan hal ehwal luar negeri dan dengan yang demikian memperkukuhkan lagi keselamatan Negeri Brunei.

Dari semenjak Brunei mula2 mengadakan Perjanjian dengan United Kingdom dalam awal abad yang lalu, persahabatan Brunei dengan United Kingdom telah sentiasa di-perkukuhkan dengan Perjanjian2 yang telah di-tanda tangani dalam tahun 1888, 1905, 1906 sa-hingga membawa kepada Perjanjian tahun 1959 yang memberikan Brunei bekerajaan sendiri.

Dan perjanjian tahun 1959 itu di-pinda pula dalam tahun 1971 dengan bertujuan untuk memboktikan keperchayaan Brunei terhadap kejujoran Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan juga terhadap penghargaan ka-atas pertolongan dan bantuan yang Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan raayat Baginda telah berikan kepada Brunei.

Dalam perkara persahabatan Brunei dengan United Kingdom, bukan soal-nya sama ada Britain maseh kuat atau tidak kuat lagi, akan tetapi apa yang di-anggap paling mustahak oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ia-lah kejujoran dan jasa di-masa2 yang sudah yang mana United Kingdom telah memberikan bakti yang penoh.

Dalam Perlembagaan Negeri Brunei, Islam ada-lah

ugama rasmi akan tetapi di-persharatkan bahawa orang2 lain bebas mengamalkan ugama mereka sendiri. Akan tetapi sa-siapa jua pun walau ia Islam atau bukan Islam dan dari mana juga datang-nya jika ia berbuat sa-suatu yang mengancham keselamatan dan ketenteraman Negeri Brunei dengan jalan menchuba untok merosakkan taat setia raayat Brunei kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, maka orang itu melakukan kesalahan besar dan sekira-nya ia-nya sa-orang Islam maka ia bersalah bukan sahaja menurut Undang2 Jenayah Negeri Brunei akan tetapi ia bersalah di-sisi ugama Islam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin bersabda bahawa sa-lagi Limbang yang hak kepunyaan Brunei tidak di-balekkan kepada Brunei, maka tuntutan Brunei ka-atas Limbang akan terus di-susol dan tidak akan lenyap. Brunei tidak mempunyai keyakinan terhadap Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia atau Kerajaan Malaysia.

Dengan ketiadaan keyakinan sangat-lah sukar bagi Negeri Brunei pada mengadakan perhubungan berbaik2 dengan Malaysia.

Dalam tahun 1959, Duli Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, selaku Sultan, telah meminta kepada Setia Usaha Negara pada waktu itu (Mr. Lennox Boyd sekara Viscount Boyd) sama ada dapat di-persetujui bagi Brunei melantek pegawai2 yang di-pinjamkan dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menjadi ketua2 jabatan dan mengisikan lain2 jawatan dalam Kerajaan Brunei, dan permohonan ini telah di-persetujui oleh Setia Usaha Negara.

Dengan yang demikian pegawai2 dari Malaysia pun di-pinjamkan ka-Brunei dalam tahun 1959 akan tetapi dua tahun sa-lepas itu telah mele-tus pemberontakan di-negeri

Brunei dan kemudian mun-chol pula ganyangan dari Jawa.

Dan sa-baik2 sahaja Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda mengambil keputusan tidak masok Malaysia (yang mana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala keputusan itu ada-lah mukmat) satu penchubaaan telah di-lakukan untok melumpuhkan pentadbiran Kerajaan Brunei oleh Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu dengan keputusan-nya memang-gil balek semua pegawai2 Malaysia yang telah di-pinjamkan ka-Brunei.

Mujur jua bagi Negeri Brunei dapat bantuan segera dari Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan dengan yang demikian penchubaaan itu telah gagal dan pentadbiran Kerajaan Brunei terus berjalan. Sekarang dengan bertambah-nya bilangan anak2 tempatan bekerjasama berganding bahu dengan pegawai2 British, pentadbiran dalam Negeri Brunei sedang berjalan dengan lebeh chekap lagi dari apa yang terdapat di-masa Jabatan2 Kerajaan di-Brunei dalam tangan pegawai2 yang di-pinjamkan dari Kerajaan Malaysia.

